

## PERSEPSI PELAJAR UITM MELAKA TERHADAP MOD PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH (ODL) SUBJEK BAHASA ARAB KOMUNIKASI DALAM SITUASI PANDEMIK COVID-19

*(Perceptions of UiTM Melaka Students Towards Open and Distance Learning Mode (ODL) of Communication Arabic Subjects in Pandemic Situations Covid-19)*

\*Anuar Sopian<sup>1</sup>, Ijlal Saja@Mearaj<sup>2</sup>

Submitted: 17-May-2021  
Accepted: 05-Jun-2021  
Revised: 07-Jul-2021  
Published: 27-Dec-2021

<sup>1,2</sup>Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi Mara (UiTM),  
Melaka, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [anuar\\_09@uitm.edu.my](mailto:anuar_09@uitm.edu.my)

### Abstrak

Kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui tentang persepsi pelajar Universiti Teknologi MARA Kampus Alor Gajah Melaka terhadap mod pembelajaran terbuka dan jarak jauh (ODL) subjek bahasa Arab komunikasi yang dijalankan dalam situasi pandemik Covid-19. Kajian ini telah dilakukan ke atas 150 orang pelajar Diploma yang mengambil subjek bahasa Arab komunikasi sebagai bahasa ketiga. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan deskriptif untuk mendapatkan nilai min. Bagi mengetahui persepsi pelajar tentang ODL ini satu set borang soal selidik telah digunakan yang telah diadaptasi dari kajian lepas. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian IBM Statistical Package of Social Science 26 (SPSS 26). Terdapat empat aspek yang dikaji dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa tiga aspek yang dikaji di dalam kajian ini berada pada tahap tinggi iaitu kandungan pembelajaran atas talian min yang diperolehi 3.67, manakala aspek interaksi atas talian min yang diperolehi 3.74 dan aspek maklum balas pensyarah min yang diperolehi ialah 3.84. Manakala bagi aspek kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian min yang diperolehi pada tahap sederhana iaitu 2.75. Oleh hal yang demikian, pembelajaran secara atas talian ini akan berkesan jika dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna. Selain itu juga komitmen para pensyarah dan para pelajar juga amat penting dengan mengambil kira jurang capaian internet bagi memastikan setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar.

**Kata kunci:** Persepsi, Mod pembelajaran, bahasa Arab dan covid-19

### Abstract

*This study was conducted to find out about the perceptions of students of Universiti Teknologi MARA Alor Gajah Melaka Campus on the open and distance learning mode (ODL) of communication Arabic subjects conducted in the Covid-19 pandemic situation. This study was conducted on 150 Diploma students who took Arabic as a third language. This study is quantitative by using descriptive survey method to obtain the mean value. To find out the students' perceptions about ODL, a set of questionnaires was used which was adapted from previous studies. The data were then analyzed using IBM Statistical Package of Social Science 26 (SPSS 26) software. There are four aspects studied in this study. The results of the study found that the three aspects studied in this study are at a high level, namely the content of online learning mean obtained 3.67, while the aspect of online interaction mean obtained 3.74 and the aspect of lecturer feedback mean obtained is 3.84. While for the aspect of ease of accessing online learning applications, the mean obtained is at a moderate level of 2.75. As such, this online learning will be effective if it can be implemented more perfectly. Apart from that,*

*the commitment of the lecturers and students is also very important by taking into account the internet access gap to ensure that every teaching and learning activity can be carried out smoothly.*

**Keywords:** Perception, Mode of learning, Arabic and covid-19

## 1.0 PENGENALAN

Pandemik Covid-19 telah memberi impak besar kepada seluruh dunia dan menggugat keadaan sosioekonomi global. Akibat dari penularan wabak covid-19 yang begitu laju menyebabkan pelbagai sektor terjejas termasuklah sektor pendidikan. Malah sehingga 5 Mac 2020 seramai 300 juta murid dan pelajar tidak ke sekolah di seluruh dunia dan melibatkan 13 buah negara (UNESCO, 2020).

Penularan wabak covid-19 yang sangat laju ini memberikan kesan yang buruk terhadap kesihatan, pendidikan, ekonomi, kewangan dan lain-lain sehingga mengakibatkan Malaysia dan termasuk kebanyakan negara-negara lain di dunia telah mengambil langkah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Rakyat diarahkan untuk terus berada di rumah, melakukan pekerjaan dari rumah (Work from Home). Selain itu pergerakan di luar rumah juga dihadkan, memakai pelitup hidung dan mulut, kerap cuci tangan, menjaga penjarakan sosial dan sebagainya sebagai langkah-langkah pencegahan penularan pandemik ini (Nor Fauziana, 2020).

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang menuntut seluruh masyarakat untuk mengawal penularan wabak Covid-19 daripada terus merebak (Muzaffar Syah, 2020). Sekatan pergerakan akibat Covid-19 telah membawa norma baru kepada proses pengajaran dan pembelajaran di Malaysia yang sebelum ini lebih tertumpu dengan kaedah bersemuka kepada pembelajaran secara atas talian. Norma baru ini telah menyebabkan pembelajaran secara atas talian telah menjadi satu keperluan. Hal ini menjadi cabaran kepada pengajar untuk mengubah teknik pengajaran begitu juga kepada pelajar untuk mengubah cara pembelajaran mereka agar proses PdP dapat diteruskan. Kemunculan teknologi yang canggih sekarang ini membenarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti komputer riba dan telefon bimbit serta rangkaian internet telah digunakan dalam proses pembelajaran dalam talian selaras dengan agenda membentuk ruang pembelajaran yang berteraskan teknologi kepada generasi pelajar sekarang (Yasmin Saw, 2020)

Dalam era norma baharu ini, sebagai satu usaha untuk memastikan semua pelajar tidak ketinggalan di dalam aktiviti pembelajaran mereka. Platform digital seperti *Google Classroom*, *Google Meet* dan *Zoom* antara yang digunakan oleh para pensyarah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Bukan setakat itu sahaja malah norma baharu ini telah menarik sektor pendidikan negara ini ke arah penggunaan teknologi secara maksima. Universiti Teknologi Mara (UiTM) juga mengambil pendekatan ini apabila semua pelajar dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing dan mengikuti kelas secara dalam talian yang dipanggil sebagai Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (Open and Distance Learning, ODL).

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Penularan wabak Covid-19 bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka tertangguh tetapi menjadikan tugas pendidik semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu

yang memerlukan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilakukan secara atas talian. Sebaik sahaja Kerajaan Malaysia mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengaktifkan mod Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian kepada seluruh IPT di negara ini termasuk universiti, politeknik, kolej komuniti, institut kemahiran dan pusat latihan teknikal yang terjejas akibat wabak ini (Kementerian Pengajian Tinggi).

Pada hakikatnya pembelajaran dan Pengajaran (PdP) secara Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (Open and Distance Learning, ODL) telah ditawarkan di UiTM sejak tahun 1993 lagi tetapi tidak meyeluruh kepada semua program (Rafizah Kechil, 2020). ODL dijalankan sepenuhnya diseluruh sistem UiTM setelah berlakunya pandemik COVID 19 bermula dari 13 April 2020 iaitu semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebelum ODL dilaksanakan, kajian kesediaan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran maya telah dilakukan. Antara tujuan tinjauan tersebut dibuat adalah untuk mengenal pasti kebolegunaan jalur lebar internet oleh pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM). Hal ini disebabkan, internet jalur lebar adalah merupakan keperluan utama bagi melaksanakan pembelajaran dalam talian. Tinjauan itu juga bertujuan mengenalpasti lokasi tempat kediaman pelajar-pelajar yang berada di kawasan jalur lebar yang pelbagai serta kekangan jumlah rangkaian data yang dimiliki pelajar. Disamping itu, tinjauan itu juga bagi mengetahui tahap ketersediaan pelajar dalam menggunakan platform Learning Management System (LMS) yang disediakan oleh UiTM serta platform alternatif bagi memastikan pengalaman dan hasil pembelajaran tercapai (BHEA, 2020).

Namun begitu pengajaran secara ODL ini masih dilihat sebagai satu cabaran besar kepada para pensyarah untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Bukan sahaja para pensyarah tetapi para pelajar juga turut mengalami masalah yang sama di dalam pelaksanaan pembelajaran secara atas talian ini. Antara permasalahan secara umum yang dihadapi oleh para pensyarah dan juga pelajar-pelajar UiTM di seluruh Malaysia ialah kebolehcapaian internet. Hal ini disebabkan para pelajar IPT ini datang dari pelbagai jenis kawasan penempatan. Ada yang tinggal di kawasan bandar, ada juga yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Justeru itu, masalah kebolehcapaian internet dilihat sering kali berlaku apabila kelas secara atas talian yang dijalankan sepanjang tempoh kuliah berlangsung.

Menurut Bernama (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran secara atas talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas di setiap kawasan sama ada di bandar, luar bandar atau kawasan pedalaman. Menjadi satu cabaran yang besar buat para pensyarah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian kerana tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang baik di kawasan tempat tinggal mereka. Kajian Mohd Noorhadi & Zurinah (2017) merumuskan bahawa proses PdP perlu melibatkan penggunaan media sosial seiring dengan perkembangan dunia pendidikan moden pada masa kini serta menjadikan PdP lebih menarik dan produktif. Namun begitu, perubahan kaedah pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas kepada platform pembelajaran secara atas talian memberi kesulitan dan tekanan kepada guru dan pensyarah untuk melaksanakannya dalam masa yang singkat semasa tempoh PKP (Yasmin Saw, 2020). Oleh itu, kajian ini dibuat untuk pengkaji mengetahui apakah persepsi pelajar UiTM Melaka terhadap ODL dalam pembelajaran khususnya bagi kursus bahasa Arab komunikasi dan benarkah wujudnya masalah semasa proses ODL sebagaimana kajian-kajian lepas yang memperlihatkan mereka menghadapi beberapa masalah dalam proses pdp dilaksanakan.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- a) Mengenal pasti persepsi pelajar UiTM Melaka terhadap kandungan pembelajaran ODL
- b) Mengenal pasti persepsi pelajar UiTM Melaka terhadap hubungan dua hala atas talian semasa ODL.
- c) Mengenal pasti persepsi pelajar UiTM Melaka terhadap maklum balas pensyarah semasa ODL.
- d) Mengenal pasti persepsi pelajar UiTM Melaka terhadap kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian semasa ODL.

### 4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengetahui tentang bagaimanakah persepsi pelajar-pelajar Diploma UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah (UiTM) terhadap mod pembelajaran terbuka dan jarak jauh (ODL) subjek bahasa Arab Komunikasi dalam suasana pandemik covid-19 yang dilaksanakan secara atas talian. Kajian ini juga turut memberikan maklumat situasi sebenar pelajar ketika proses ODL kepada para pensyarah di dalam melaksanakan pembelajaran secara atas talian ini bagi tujuan penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran ODL pada masa akan datang.

### 5.0 TINJAUAN LITERATUR

Beberapa penyelidik negara luar telah menjalankan kajian untuk melihat persepsi guru terhadap pembelajaran dalam talian semasa tempoh pandemik Covid-19. Kajian yang dijalankan oleh Mohammad Ziaul Hoq (2020) di Arab Saudi terhadap guru lelaki mendapati bahawa sebilangan besar guru lelaki mempunyai persepsi yang positif mengenai pembelajaran dalam talian semasa tempoh pandemik ini. Majoriti guru lelaki Arab Saudi menyatakan bahawa pendekatan pembelajaran dalam talian menjadikan sesuatu tugas pengajaran lebih efektif, mudah untuk dikemaskini dan menjimatkan masa. Dapatan kajian yang sama turut diperolehi oleh Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020) yang menjalankan kajian di Banten dan Jawa Barat, Indonesia. Menurut mereka, guru merasakan bahan pengajaran dari pelbagai sumber mudah untuk dikemaskini serta mudah untuk diberikan kepada pelajar kerana ia berlaku secara dalam talian.

Sementara itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Deepika Nambiar (2020) terhadap guru-guru di Bangalore, India menunjukkan bahawa 86.9% guru lebih suka kaedah pengajaran bersemuka di bilik darjah berbanding kaedah pengajaran dalam talian. Dapatan yang sama turut diperolehi oleh Ramakanta dan Sonali (2020) serta Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020), iaitu responden kajian menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian merupakan pilihan yang terbaik semasa tempoh pandemik ini namun begitu ia tidak sesuai dijadikan sebagai pengganti kepada pembelajaran konvensional. Kajian yang dijalankan oleh Rasmitadila et al. (2020) terhadap guru-guru sekolah rendah di Indonesia juga mendapati bahawa pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-1999 guru-guru tersebut menunjukkan sikap yang positif dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian semasa tempoh pandemik Covid-19. Responden kajian dalam kajian tersebut menyatakan bahawa seseorang guru itu mesti kreatif dan

inovatif dalam merancang kaedah pengajaran supaya objektif pembelajaran dapat dicapai.

Menurut Lapada et. al (2020) pula, kajian yang dijalankan terhadap 2300 orang guru di Filipina bagi melihat kesediaan mereka untuk melaksanakan pembelajaran jarak jauh semasa tempoh pandemik Covid-19 menunjukkan bahawa hampir 99% responden menjawab ya ketika ditanya adakah mereka bersedia melaksanakan pembelajaran jarak jauh secara dalam talian. Dapatan kajian mereka turut mendapati bahawa majoriti guru-guru bersedia menggunakan aplikasi seperti Youtube, Google Classrooms, Meet serta Zoom sebagai aplikasi dalam melaksanakan pembelajaran jarak jauh. Kajian yang dijalankan oleh Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020), Deepika Nambiar (2020) dan Rasmitadila et al. (2020) pula mendapati bahawa pendekatan pembelajaran dalam talian ini menjadi lebih bermakna apabila dilaksanakan semasa tempoh pandemik Covid-19. Menurut guru-guru ini lagi, pendekatan pembelajaran dalam talian yang digunakan sebagai medium penyampaian bahan pembelajaran dalam tempoh pandemik ini mudah dan cepat untuk dilaksanakan.

Terdapat juga cabaran yang dihadapi guru dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian semasa tempoh Pandemi COVID-19. Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru semasa melaksanakan pembelajaran dalam talian dalam tempoh pandemik Covid-19 (Arifah Primadan Lis Prasetyo 2020); Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020); Rasmitadil et al. (2020); Lapada et.al (2020); Ramakanta dan Sonali (2020); Deepika Nambiar (2020) dan Mohammed Amin et al. (2020). Hal ini disebabkan kerana pertukaran kaedah pembelajaran daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian berlaku secara tiba-tiba.

Menurut Arifah Prima dan Lis Prasetyo (2020), Lapada et. al (2020) dan Deepika Nambiar (2020), kesukaran untuk mewujudkan komunikasi dua hala antara pelajar dengan guru telah menjadikan kaedah pembelajaran dalam talian ini sukar atau tidak dapat dilaksanakan. Keadaan ini menjadi kekangan kepada guru untuk berinteraksi dengan pelajar sekaligus menyebabkan objektif pembelajaran tidak tercapai. Selain masalah interaksi antara pelajar dengan guru, kesukaran mendapat kerjasama daripada ibu bapa juga menyebabkan para pelajar tidak menghadirkan diri dalam sesi pembelajaran dalam talian (Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020) dan Ramakanta dan Sonali (2020). Keadaan ini menyebabkan para pelajar tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran sepanjang tempoh pandemik ini.

Kajian sebelum ini juga menunjukkan bahawa gaya pembelajaran pelajar dalam pembelajaran dalam talian nampaknya tidak sekata dan masih cenderung berpusatkan pensyarah. Di samping itu, jika terdapat perbincangan, ada yang menjadi pembaca senyap dan tidak memberikan sebarang respon (Moorhouse, 2020). Pernyataan ini disokong dalam penemuannya bahawa 1 dari 58 orang pelajar sangat memahami tentang pembelajaran dalam talian, 23 daripada 58 pelajar memahami, dan selebihnya yang mereka jawab kadang-kadang mereka faham (Anhusadar, 2020).

## 6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dengan menggunakan reka bentuk kajian secara tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian. Kaedah tinjauan ini merupakan kaedah yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang. Kaedah kuantitatif membolehkan sesuatu data dapat dikumpulkan dan dianalisis untuk menghasilkan

maklumat dan pengetahuan tentang pendapat, sikap dan amalan (Gall, M, Gall J.P dan Borg, 2007).

### 6.1 Sampel Kajian

Penentuan bagi saiz sampel kajian ini ditentukan mengikut jadual penentuan saiz sampel daripada Krejcie dan Morgan (1970). Populasi responden kajian adalah seramai 480 orang pelajar Diploma UiTM Melaka yang mengambil subjek bahasa Arab komunikasi sebagai bahasa ketiga. Oleh itu, hanya 150 orang pelajar sahaja yang diperlukan sebagai sampel kajian ini. Kaedah persampelan yang digunakan adalah secara rawak mudah. Data yang telah dikumpulkan dikod, direkod dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 untuk mendapatkan skor min bagi setiap aspek yang dinilai.

### 6.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada borang soal selidik kajian “Keberkesanan Forum Atas Talian MyGuru 2” yang dijalankan oleh Mahizer Hamzah dan Muhammad Izzat bin Mailis dan kawan-kawannya. Bagi menyesuaikan dengan situasi dalam kajian ini, Instrumen kajian ini telah dilakukan pengubahsuaian dari segi struktur ayat. Seterusnya kaedah skala lima likert telah digunakan sebagai pilihan jawapan daripada responden kajian untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian. Skala lima likert ini juga digunakan untuk memudahkan pengkaji mengenal pasti penilaian responden terhadap item-item yang dirasakan sesuai. Jadual 1.1 berikut menunjukkan skor penilaian skala likert yang digunakan bagi bahagian ini:

**Jadual 1.1** Kebolehpercayaan instrumen

Pernyataan	Skor
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Kurang pasti	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

Sebelum sesuatu instrumen ditadbir dalam kajian sebenar, ia perlu melalui proses mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item bagi menjamin kualiti instrumen dan data yang diperoleh. Tahap ini penting bagi memastikan ketepatan data dalam penyelidikan data yang sebenar dapat menjawab kesemua persoalan kajian yang telah digariskan oleh pengkaji. Kebiasaannya pengkaji merujuk kepada pekali kebolehpercayaan alfa Cronbach untuk mengukur tahap kebolehpercayaan item-item dalam instrumen. Nilai kebolehpercayaan ini dirujuk dalam model pengukuran yang biasa digunakan berdasarkan *True Score Test Theory (TSTT)* atau dikenali sebagai model klasik. Namun, selain daripada nilai alpha Cronbach, model pengukuran Rasch yang berasaskan Teori Respons Item juga didapati mampu memberikan petunjuk kepada pembuktian kualiti item bagi mengukuhkan lagi kesahihan sesuatu instrumen yang terbentuk hasil daripada pertimbangan yang mengambil kira tahap keupayaan individu (person) dan tahap kesukaran item (Azrilah Abdul Aziz et al. 2013; Rosseni Din et al. 2009). Berdasarkan model pengukuran Rasch, skor nilai Alpha Cronbach yang boleh diterima adalah 0.71-0.99 sepertimana yang diterangkan oleh (Bond & Fox 2015).

**Jadual 1.2.** Interpretasi skor Alpha Cronbach Analisis

Nilai Alpha Cronbach	Indikator
0.9-1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7-0.8	Baik dan boleh diterima

0.6-0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu dibaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian ini telah menunjukkan nilai alpha cronbach ialah .98. Ini menunjukkan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi kajian ini adalah sangat baik dan mempunyai ketekalan dalaman yang melebihi .70. Oleh itu, instrumen kajian ini sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi sesuai digunakan untuk kajian yang sebenar.

## 7.0 ANALISIS KAJIAN

Persepsi pelajar terhadap pembelajaran ODL diukur dari empat aspek iaitu kandungan pembelajaran, interaksi atas talian, maklum balas pensyarah, dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian. Kajian ini telah menggunakan dan merujuk kepada interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Pallant (2011) seperti jadual 1.3 berikut.

**Jadual 1.3** Interpretasi Skor Min

Tahap	Skor Min
Tinggi	3.67-5.00
Sederhana	2.34-3.66
Rendah	1.00-2.33

### 7.1 Persepsi pelajar terhadap kandungan pembelajaran atas talian semasa ODL

Jadual 1.4 menunjukkan analisis skor min persepsi pelajar terhadap kandungan pembelajaran atas talian. Analisis skor min menunjukkan bahawa para pelajar berpendapat bahawa kandungan pembelajaran atas talian sesuai dengan kursus yang diambil dengan skor min 3.76. Pelajar juga berpendapat bahawa topik perbincangan dalam pembelajaran atas talian dapat mencabar minda mereka. Skor nilai min yang paling tinggi diperolehi iaitu 4.11. Seterusnya pelajar bersetuju bahawa perbincangan semasa pembelajaran atas talian dapat membantu memahami perkara yang sukar dengan skor min sederhana iaitu 3.28. Pelajar juga berpendapat bahawa perbincangan atas talian memudahkan mereka bertanya dengan pensyarah dengan skor min sederhana 3.42. Seterusnya bahan rujukan banyak membantu mereka untuk memahami pembelajaran pula mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 3.76. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap kandungan pembelajaran atas talian semasa ODL adalah di tahap tinggi pada nilai skor min 3.67.

**Jadual 1.4:** Persepsi Pelajar Terhadap Kandungan Pembelajaran Atas Talian Semasa ODL

No	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Kandungan pembelajaran atas talian sesuai dengan kursus yang saya ambil	3.76	Tinggi
2	Topik perbincangan dalam pembelajaran atas talian mencabar minda saya	4.11	Tinggi
3	Perbincangan semasa pembelajaran atas talian membantu saya memahami perkara yang sukar	3.28	Sederhana
4	Perbincangan semasa pembelajaran atas talian memudahkan saya bertanya dengan pensyarah secara terus	3.42	Sederhana
5	Bahan rujukan (cth; pautan, nota) banyak membantu saya dalam pembelajaran atas talian	3.76	Tinggi
Min Keseluruhan		3.67	Tinggi

## 7.2 Persepsi Pelajar Terhadap Interaksi Atas Talian Semasa ODL

Jadual 1.5 yang berikut menunjukkan analisis skor min persepsi pelajar terhadap interaksi pembelajaran pelajar atas talian semasa ODL. Analisis skor min menunjukkan nilai yang paling tinggi ialah pada pernyataan bahawa perbincangan antara rakan yang mengambil kursus yang sama banyak mempertingkatkan pemahaman mereka iaitu dengan nilai 3.99. Manakala skor min bagi pernyataan pensyarah menggalakkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain semasa pembelajaran atas talian ialah 3.86. Manakala pernyataan interaksi antara pensyarah dan pelajar dapat membantu memahami pembelajaran atas talian memperolehi min 3.85. Seterusnya pernyataan perbincangan antara pensyarah dan pelajar berjalan secara konsisten sepanjang semester juga memperolehi min 3.78. Sedangkan akhir sekali persepsi pelajar terhadap kemudahan untuk menyertai perbincangan atas talian untuk menyiapkan tugas mempunyai nilai min 3.22. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut interaksi atas talian semasa ODL adalah di tahap tinggi pada nilai min 3.74.

**Jadual 1.5:** Persepsi Pelajar Terhadap Intraksi Atas Talian Semasa ODL

No	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Perbincangan antara pensyarah dan pelajar berjalan secara konsisten sepanjang semester	3.78	Tinggi
2	Perbincangan antara rakan sekursus banyak membantu mempertingkatkan kefahaman saya	3.99	Tinggi
3	Saya berasa lebih mudah menyertai perbincangan atas talian dengan rakan-rakan untuk menyiapkan tugas	3.22	Sederhana
4	Pensyarah saya menggalakkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain semasa pembelajaran atas talian	3.86	Tinggi
5	Interaksi antara pensyarah dan pelajar membantu saya memahami pembelajaran atas talian	3.85	Tinggi
Min Keseluruhan		3.74	Tinggi

## 7.3 Persepsi Pelajar terhadap Maklum Balas Pensyarah Semasa ODL

Jadual 1.6 berikut menunjukkan analisis skor min bagi persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut maklum balas pensyarah semasa ODL. Analisis skor min yang mempunyai nilai tertinggi adalah pada pernyataan pensyarah memberi maklumat tambahan yang diperlukan pelajar pada nilai 3.87 manakala pernyataan pensyarah memberi maklum jawapan yang dikehendaki pelajar mendapat nilai min sebanyak 3.84. Seterusnya persepsi pelajar terhadap pensyarah memberi maklum balas segera terhadap persoalan pelajar mendapat nilai min sebanyak 3.83 dan nilai min bagi pernyataan yang menyatakan pelajar memahami maklum balas pensyarah mendapat nilai yang terendah iaitu 3.81. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut maklum balas pensyarah semasa ODL adalah di tahap Tinggi pada nilai skor min 3.84.

**Jadual 1.6:** Persepsi Pelajar Terhadap Maklum Balas Pensyarah semasa ODL

No	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Pensyarah saya memberi maklum balas segera terhadap persoalan saya	3.83	Tinggi
2	Pensyarah memberi jawapan yang saya kehendaki	3.84	Tinggi
3	Pensyarah memberi maklumat tambahan yang saya perlukan	3.87	Tinggi
4	Saya memahami maklum balas yang disampaikan oleh pensyarah	3.81	Tinggi
Min Keseluruhan		3.84	Tinggi



#### 7.4 Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Mengakses Aplikasi Pembelajaran Atas Talian Semasa ODL

Jadual 1.7 berikut menunjukkan analisis skor min bagi persepsi pelajar terhadap kemudahan pembelajaran atas talian semasa ODL untuk mengakses aplikasi pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam kursus yang diambil. Analisis skor min tertinggi menunjukkan pelajar tahu mengakses aplikasi atas talian yang digunakan oleh pensyarah semasa pembelajaran atas talian dengan nilai 4.14. Seterusnya nilai min pernyataan pelajar boleh mengakses aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan pensyarah dengan mudah tanpa gangguan internet ialah 2.72. Manakala skor min yang ditunjukkan pada pernyataan pensyarah menggunakan aplikasi yang memudahkan pelajar untuk menghantar maklum balas atau tugas ialah 2.81. Sedangkan Pernyataan mklum balas atau tugas yang dihantar tidak hilang mempunyai nilai min 2.96. Persepsi pelajar terhadap paparan aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah pula mempunyai nilai min sebanyak 2.53. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap kemudahan pembelajaran atas talian semasa ODL untuk mengakses aplikasi pembelajaran adalah di tahap sederhana pada nilai skor min 2.75.

**Jadual 1.7:** Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Mengakses Aplikasi Pembelajaran Atas Talian Semasa ODL

No	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya tahu mengakses aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah	4.14	Tinggi
2	Saya boleh mengakses aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah dengan mudah tanpa gangguan internet	2.72	Sederhana
3	Pensyarah menggunakan aplikasi pembelajaran atas talian yang memudahkan saya untuk menghantar maklum balas atau tugas yang diberikan	2.81	Sederhana
4	Maklum balas atau tugas yang dihantar tidak hilang	2.96	Sederhana
5	Saya suka dengan paparan aplikasi pembelajaran atas talian yang digunakan oleh pensyarah	2.53	Sederhana
Min Keseluruhan		2.75	Sederhana

#### 8.0 RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas 150 orang pelajar-pelajar diploma yang mengambil kursus bahasa Arab komunikasi di UiTM Melaka ini menunjukkan bahawa pembelajaran ODL yang dijalankan dapat dijalankan dengan baik. Hal ini dapat dilihat melalui nilai min yang diperolehi terhadap keempat-empat aspek yang dikaji. Bagi aspek persepsi pelajar terhadap kandungan pembelajaran atas talian, nilai min yang tinggi diperolehi iaitu 3.67. Menunjukkan pelajar berpuas hati dengan kandungan pembelajaran yang dilakukan secara ODL dan dapat menguasai atau memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh pensyarah dengan baik. Manakala bagi aspek persepsi pelajar terhadap interaksi di atas talian semasa ODL min yang tinggi juga diperolehi iaitu 3.74. Ini juga menunjukkan bahawa kesediaan pelajar untuk menerima pembelajaran secara ODL ini makin diterima dengan baik. Mereka berpedapat interaksi dengan pensyarah dan rakan-rakan sepanjang pembelajaran secara ODL ini banyak membantu mereka untuk memahami pelajaran.

Hal ini mungkin disebabkan norma pembelajaran secara ODL ini telah berlangsung sepanjang dua semester. Selain itu bagi aspek persepsi pelajar tentang maklum balas pensyarah semasa ODL juga berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.84 lebih tinggi dari dua aspek sebelumnya. Dapatan ini menunjukkan bahawa maklum balas pensyarah merupakan satu aspek yang penting dalam membantu

pembelajaran pelajar ketika sedang berada dalam tempoh pandemik Covid-19. Pensyarah banyak membantu pelajar dalam memahami bahasa Arab dengan memanfaatkan pelbagai teknologi yang ada supaya maklumat sampai kepada pelajar dalam tempoh sukar ini. Sedangkan bagi aspek terakhir pula iaitu persepsi pelajar terhadap kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran yang dilakukan secara ODL pula min yang diperolehi berada pada tahap sederhana iaitu 2.75.

Ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi bukan lagi menjadi masalah utama untuk dikuasai oleh para pelajar kerana majoriti pelajar menganggap penggunaan teknologi bukanlah suatu perkara yang asing bagi mereka. Pelajar merasakan aplikasi yang digunakan pensyarah mudah untuk diakses dan suka dengan aplikasi yang digunakan. Namun begitu ada antara pelajar yang menghadapi halangan sepanjang proses ODL berlangsung disebabkan masalah seperti masalah gangguan internet. Hal ini mungkin disebabkan segelintir pelajar mendiami kawasan yang mempunyai capaian internet yang terhad. Situasi ini secara tidak langsung mengganggu ODL yang dijalankan. Melalui dapatan kajian ini dapat dibuat kesimpulan bahawa persepsi pelajar Diploma UiTM Melaka yang mengambil kursus bahasa Arab komunikasi terhadap pelaksanaan pembelajaran ODL dalam suasana pandemik Covid-19 berada di tahap yang tinggi.

Namun begitu ada segelintir antara mereka yang menghadapi halangan dari sudut kemudahan internet bagi mengakses pembelajaran di atas talian. Justeru usaha bagi penambahbaikan kemudahan internet yang lebih tinggi dan berkesan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan pembelajaran secara ODL ini dapat dijalankan dengan lebih baik pada masa akan datang. Dalam hal ini semua pihak perlu memainkan peranan terutamanya pihak kerajaan, universiti atau institusi-institusi pendidikan lainnya untuk menyediakan kelengkapan ini supaya pelajar-pelajar ini tidak ketinggalan dalam pembelajaran semasa ODL. Ibu bapa juga seharusnya peka tentang masalah anak-anak mereka dengan membantu mereka agar dapat mengakses internet dengan baik dengan cara melanggan pelan-pelan internet yang mempunyai kestabilan dan kelajuan terutamanya ketika sesi ODL dijalankan.

## 9.0 RUJUKAN

- Anhusadar, L. O. (2020). Persepsi mahasiswa PIAUD terhadap kuliah online di masa pandemik COVID-19. *Kindergarten: Journal of Islamic Early Childhood Education*, 3(1), 44–58. <https://doi.org/https://dx.doi.org/10.2414/kjiece.v3i1.9609>
- Arifah Prima Satrianingrum, Iis Prasetyo. (2020). [Persepsi Guru Dampak Pandemi Covid-19 terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Daring di PAUD](#) AP Satrianingrum, I Prasetyo. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 2020.
- Azilah Abdul Aziz, Mohd Saidudin Masodi & Azami Zaharim. 2013. *Asas Model Pengukuran Rasch: Pembentukan Skala & Struktur Pengukuran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bernama. (2020). Cabaran Mengajar Dalam Talian. Diperolehi semula melalui laman web <http://sinarharian.com.my/cabaran-mengajar-dalam-talian> pada 9 September 2020.
- BHEA (2020). Garis panduan penglibatan pelajar dalam pembelajaran terbuka dan secara jarak jauh / Open & Distance Learning (ODL) di Universiti Teknologi MARA (UiTM). [https://drive.google.com/file/d/11yVQj2hvVKhc\\_mEw09Y7DePWfjJm0qDB/view?usp=s\\_haring](https://drive.google.com/file/d/11yVQj2hvVKhc_mEw09Y7DePWfjJm0qDB/view?usp=s_haring).

- Bond, T. G. & Fox, C. M. 2015. *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Routledge, doi:10.1207/S15327574IJT013&4\_10.
- Gall, M., Gall, J. P., & Borg, W. (2007). *The Nature of Educational Research*. Educational Research: An Introduction. Pearson
- Nambiar (2020). The impact of online learning during COVID-19: students' and teachers' perspective. *International Journal of Indian Psychology*, 8(2).
- Irfan Fauzi & Iman Hermawan Sastra Khusuma. (2020). Teachers' elementary school in online learning of COVID-19 pandemic conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(1), pp.58-70.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Lapada Aris Alea, Miguel Frosyl Fabrea, Robledo Dave Arthur Roldan & Alam Zeba Farooqi (2020). Teachers' Covid-19 awareness, distance learning education experiences and perceptions towards institutional readiness and challenges. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(6), pp.127-144.
- Mohammad Ziaul Haq, (2020). E-Learning During the Period of Pandemic (COVID-19) in the Kingdom of Saudi Arabia: An Empirical Study. *American Journal of Educational Research*, 8(7), pp.457-464.
- Moorhouse, B. L. (2020). Adaptations to face-to-face initial teacher education course "forced" online due to the COVID-19 pandemic. *Journal Education for Teaching: International Research and Pedagogy*.  
<https://doi.org/10.1080/02607476.2020.1755205>.
- Muzaffar Syah. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian. Diperolehi semula melalui laman web <http://bernama.com/pengajaran-dan-pembelajaran-dalam-talian> pada 15 Oktober 2020.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). Pandemi Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia. *Kolej Komuniti Bentong*.
- Pallant, J. (2010). *SPSS survival manual - a step by step guide to data analysis using SPSS for windows (version 10)*. Buckingham Open University Press.
- Rafizah Kechil. (2020). Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (ODL): Adaptasi Norma Baharu dalam Pembelajaran dan Pengajaran. *Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia*.
- Ramakanta Mohalik & Sonali Suparna Sahoo, (2020). E-Readiness and Perception of Student Teachers' Towards Online Learning in the Midst of COVID-19 Pandemic. Available at SSRN 366691.
- Rasmitadila, Rusi Rusmiati Aliyyah, Reza Rachmatullah, Achmad Samsudin, Ernawulan Syaodih, Muhammad Nurtanto & Anna Riana Suryanti Tambunan. (2020). The perceptions of primary school teachers of online learning during the COVID-19 pandemic period: A case study in Indonesia. *Journal of Ethnic and Cultural Studies*, 7(2), pp.90-109.
- Yasmin Saw (2020), Pembelajaran dalam talian pada masa krisis Covid-19, Retrived 26 Jun 2020 from <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/238042>